

# CANDAZOLE CREAM

Clotrimazole (1% w/w)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Candazole Cream
2. Bagaimana Candazole Cream berfungsi
3. Sebelum menggunakan Candazole Cream
4. Cara menggunakan Candazole Cream
5. Semasa menggunakan Candazole Cream
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Candazole Cream
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Risalah ini menjawab beberapa soalan lazim tentang Candazole Cream. Ia tidak mengandungi semua maklumat yang tersedia. Ia juga tidak menggantikan tempat ahli farmasi atau doktor anda.

Semua ubat mempunyai risiko dan manfaat. Ahli farmasi atau doktor anda telah mempertimbangkan risiko anda mengambil Candazole Cream berbanding manfaat yang mereka jangka untuk anda.

Simpan risalah ini bersama ubat.

Anda mungkin perlu membacanya lagi.

## Apakah kegunaan Candazole Cream

Candazole Cream digunakan untuk merawat jangkitan kulat pada kulit bagi pelbagai jenis kurap di kaki atlet, gatal jock dan keradangan kuku. Ia juga digunakan untuk melegakan sariawan oral atau pada kemaluan.

## Bagaimana Candazole Cream berfungsi

Candazole Cream mengandungi bahan-bahan aktif Clotrimazole.

Clotrimazole ialah ejen yang bertindak terhadap pelbagai kulat.

Tanya ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang ubat ini.

## Sebelum menggunakan Candazole Cream

### -Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan Candazole Cream sekiranya:

- Anda ialah (hipersensitif) kepada Clotrimazole atau kepada mana-mana bahan lain di dalam ubat ini.

Kehamilan dan penyusuan badan:

- Pada trimester pertama kehamilan, Clotrimazole hanya boleh digunakan apabila dijangka bermanfaat untuk ibu tersebut. Tidak diketahui sama ada kandungan Clotrimazole terdapat dalam susu ibu atau mempunyai kesan bahaya kepada bayi.
- Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum pengambilan ubat ini sekiranya anda hamil atau menyusu badan.

### -Jika menggunakan ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda tentang semua ubat-ubatan yang lain dan produk kulit yang anda guna, termasuk ubat-ubatan yang perlukan preskripsi dan tidak perlukan preskripsi, vitamin, makanan tambahan herba, dan kosmetik. Tiada interaksi ubat dengan Candazole Cream telah dilaporkan.

## Cara menggunakan Candazole Cream

### -Berapa banyak harus digunakan

Jangan berikan ubat ini kepada kanak-kanak yang berumur bawah 2 tahun.

Rujuk kepada doktor anda sekiranya anda ingin memberikan ubat ini kepada kanak-kanak yang berumur bawah 2 tahun.

Jika cara penggunaan Candazole Cream telah ditetapkan oleh

doktor anda, sila ikut arahan doktor.

Jika anda membeli produk ini tanpa arahan cara penggunaan daripada doktor atau ahli farmasi, anda boleh mengikuti cara penggunaan seperti berikut:

- Sebelum penggunaan, songsangkan penutup tiub untuk menusuk bukaan tiub.
- Cuci dan keringkan bahagian jangkitan kulat. Sapukan sedikit Candazole Cream di sekitar bahagian yang terjangkit dengan berhati-hati, dua kali sehari, pagi dan petang.

### -Bila perlu digunakan

Dua kali sehari, pagi dan petang selepas bersihkan dan keringkan bahagian jangkitan. Penggunaan yang berterusan diperlukan untuk keberkesanan.

### -Berapa lama perlu digunakan

Rawatan perlu digunakan sekurang-kurangnya selama 2 minggu berterusan walaupun selepas kehilangan tanda-tanda jangkitan bagi mengelakkan jangkitan semula.

Sila hubungi doktor anda jika gejala tidak bertambah pulih dalam 4 minggu (kurap kaki) and 2 minggu (gatal jock).

### -Jika terlupa menggunakan

Sapukan krim ini dengan segera dan kemudian terus rawatan anda seperti biasa.

### -Jika menggunakan berlebihan (terlebih dos)

Tiada maklumat yang berkenaan dengan penggunaan yang berlebihan pada manusia dilaporkan.

## Semasa menggunakan Candazole Cream

### -Perkara yang perlu dilakukan

Untuk lebih berkesan bagi rawatan jangkitan kulat, anda boleh mengikuti langkah-langkah mudah bantu diri seperti berikut:

# CANDAZOLE CREAM

Clotrimazole (1% w/w)

- Anda tidak digalakkan menggaru walaupun terasa kegatalan di bahagian jangkitan. Menggaru akan mencederakan permukaan kulit dan menyebabkan jangkitan merebak ke bahagian lain.
- Jaga kebersihan di bahagian jangkitan terutama bahagian lipatan dan kaki.
- Pastikan bahagian jangkitan sentiasa kering, tetapi kurangkan geseran pada permukaan kulit.
- Jangan berkongsi tuala, tikar mandi, dan lain-lain dengan orang lain kerana anda boleh menyebarkan jangkitan kepada mereka.
- Pastikan anda membasuh tangan selepas merawat jangkitan untuk mengelakkan ia daripada merebak.

#### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

Candazole Cream bagi kegunaan luaran sahaja. Krim ini tidak boleh dimakan. Jika anda tidak sengaja termakan krim, sila hubungi doktor dengan segera atau hubungi Jabatan Kemalangan and Kecemasan hospital terdekat. Jika anda tidak sengaja terkena krim di mata atau mulut, bilas segera dengan air dan hubungi doktor anda.

#### -Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika iritasi atau sensitiviti berlaku, rawatan perlu dihentikan.

#### **Kesan-kesan sampingan**

Candazole Cream boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mendapatnya.

Seperti semua ubat-ubatan, sesetengah orang mungkin alah kepada krim. Jika anda mengalami reaksi alahan, berhenti menggunakan Candazole Cream dan sila hubungi doktor anda dengan segera atau hubungi Jabatan Kemalangan and Kecemasan hospital terdekat. Tanda-tanda alahan termasuk:

- Ruam.
- Masalah menelan atau pernafasan.
- Bengkak bibir, muka, tekak atau lidah.
- Rasa lemah, rasa pening atau pengsan.
- Loya.

Selepas anda menggunakan krim anda mungkin mengalami:

- Gatal-gatal, lepuh, bengkak, , kepedihan, kemerahan, gegata atau kulit mengelupas.

Jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan ini, walaupun yang tidak dinyatakan di dalam risalah ini, maklumkan doktor atau ahli farmasi anda dengan segera.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [nprr.moh.gov.my](http://nprr.moh.gov.my) (*Public Reporting Medicinal Problem / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

#### **Cara penyimpanan dan pelupusan Candazole Cream**

##### -Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C. Simpan di tempat kering dan dingin serta terlindung daripada cahaya. Jauhi daripada kanak-kanak.

##### -Pelupusan

Lupuskan ubat selepas tarikh luput. Sila dapatkan nasihat ahli farmasi tentang cara pelupusan sebarang ubat yang tidak digunakan lagi.

#### **Maklumat lanjut**

##### -Rupa dan warna Candazole Cream

Candazole Cream adalah krim berwarna putih dan boleh didapati dalam 15g tiub.

##### -Bahan-bahan kandungan

-Bahan-bahan aktif:  
Setiap tiub mengandungi Clotrimazole 1% w/w.

-Bahan-bahan tidak aktif:  
Benzyl Alcohol, Cetyl Palmitate, Cetostearyl Alcohol, Sorbitan Monostearate, Polysorbate 60, Isopropyl Myristate, Xanthan Gum, Purified Water

-Nombor MAL:  
MAL19900278XZ

#### **Pengilang**

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.  
Lot 10, Jalan Sultan Mohamed 6,  
Bandar Sultan Suleiman,  
42000 Port Klang, Selangor,  
Malaysia.

#### **Pemegang Pendaftaran Produk:**

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.  
Lot 10, Jalan Sultan Mohd. 6,  
Bandar Sultan Suleiman,  
42000 Port Klang, Selangor,  
Malaysia.

#### **Tarikh kemaskini RiMUP**

-20/04/2017

#### **Nombor siri:**

BPK(R4/1)040417/00053